



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

6,000 WARGA KOTA SERTAI PROGRAM KAYUHAN CERIA SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2017

KUALA LUMPUR, 19 Februari 2017 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan menyempurnakan sesi pelepasan 6,000 orang peserta Kayuhan Ceria 2017 sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2016 di Dataran Merdeka di sini. Program ini dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Program ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan Wilayah Persekutuan disamping menggalakkan warga Wilayah Persekutuan mengamalkan gaya hidup sihat dan mengeratkan silaturrahim di antara penduduk Wilayah Persekutuan selain daripada mewujudkan satu suasana yang harmoni dan bersatu di kalangan penduduk di Wilayah Persekutuan sesuai dengan slogan SHWP 2017 iaitu "Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera".

Program Kayuhan Ceria 2017 adalah anjuran kali ke-6 sejak diperkenalkan pada tahun 2012. Ianya juga merupakan kesinambungan daripada Program Konvoi Berbasikal 2016 di Putrajaya yang telah mencatat kejayaan dalam The Malaysia Book Of Records sebagai Acara Kayuhan Basikal Teramai.

Program ini terbuka kepada semua warga Wilayah Persekutuan pelbagai peringkat dan penyertaan dibuka secara percuma dengan 2 kategori iaitu terbuka dan keluarga. Kategori terbuka untuk yang berumur 18 tahun ke atas dan merangkumi jarak laluan keseluruhan sepanjang 30 kilometer. Manakala kategori keluarga merangkumi jarak laluan keseluruhan sepanjang tujuh (7) kilometer yang menggunakan laluan program “*KL Car Free Morning*”.

Di samping program Kayuhan Ceria 2017, turut diadakan juga pertandingan futsal, bola jaring, ping pong, Muay Thai, Kabaddi, *Frisbee*, *FloorBall*, booth pameran serta jualan *foodtruck* dan persembahan *busking*.

Diharapkan pelaksanaan program seperti ini dapat memupuk semua lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan ke arah pembentukan suatu koloni masyarakat yang cergas, sihat fizikal dan cerdas mindanya di samping menyemai nilai dan sikap saling menghormati, bertoleransi dan bantu membantu di antara satu sama lain di negara kita khususnya di Wilayah Persekutuan. Program yang dianjurkan sempena SHWP 2017 ini dapat membentuk semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dan ke arah meningkatkan keceriaan dan kesejahteraan warga kota.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
19 Februari 2017